

Letusan Covid-19 di sebalik tirai besi



Gelombang ketiga Covid-19 membada Malaysia sejak 1 Oktober lalu apabila tiba-tiba angka pesakit positif virus maut itu melonjak kepada 260 kes. Sejak itu, pertambahan kes baharu tidak dapat ditahan lagi dengan beberapa rekod tertinggi dicatatkan.

Setakat semalam, rekod paling tinggi positif Covid-19 ialah sebanyak 691 kes pada 6 Oktober lalu.

Walaupun tidak dinafikan Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah ke-16 antara penyumbang kepada pertambahan kes, ramai yang mungkin tidak menyedari penularan paling ganas sebenarnya berlaku di sebalik tirai besi dan kem tahanan.

Pertambahan kes positif Covid-19 melibatkan banduan, pendatang asing tanpa izin (PATI) dan kakitangan penjara di seluruh negara kini mencecah 1,126 setakat 5 Oktober.

Timbul tanda tanya, bagaimana virus Covid-19 boleh menembusi tembok

tinggi dan tirai besi di penjara serta kem tahanan PATI.

Berdasarkan maklumat Kementerian Kesihatan Malaysia, penularan itu bermula di lokap Ibu Pejabat Daerah (IPD) Lahad Datu dan Penjara Tawau.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, penularan kluster dipanggil Kluster Benteng Lahad Datu itu berpunca daripada dua PATI yang ditahan di lokap IPD Lahad Datu sebelum berjangkit kepada seorang banduan dari Penjara Tawau pada 1 September.

Lebih tragis, kluster itu tercetus dua hari sebelum bermulanya kempen PRN Sabah. Sehingga kini sebanyak 967 kes positif Covid-19 dicatatkan.

Tidak lama selepas itu, timbul satu lagi kluster baharu dikenal pasti dalam kalangan PATI di Kunak, Sabah pada 12 September yang dipanggil Kluster Laut.

Tidak terhenti di situ, 29 September lalu negara mendepani satu kluster melibatkan banduan dan kakitangan penjara teramai iaitu Kluster Tembok di Penjara Alor Setar, Kedah.

Kluster ini dikesan pada 29 September lalu membabitkan seorang kakitangan penjara yang kemudiannya meninggal dunia. Kesan pembawaan virus oleh pesakit indeks kluster berkenaan, jumlah terkumpul bagi kes kluster ini adalah sebanyak 1,207 kes.

Secara umum, pakar perubatan



Kluster Tembok di Penjara Alor Setar mencatatkan penularan kes Covid-19 tertinggi dalam tempoh dua minggu apabila sejumlah 1,207 kes positif direkodkan.

kesihatan awam dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Malina Osman berpendapat agak mustahil jangkitan Covid-19 bermula dari dalam penjara atau kem tahanan secara sendiri kerana penghuni tirai besi sememangnya terhalang dari dunia luar.

Katanya, jangkitan biasanya berpunca daripada komuniti umum seperti tahan baharu atau kakitangan sendiri.

"Satu lagi keadaan, banduan atau PATI yang terlibat dengan Kluster Tembok dan Benteng LD, mereka mungkin sekali sekala dibenarkan mendapatkan rawatan di hospital.

"Justeru, apabila mereka terdedah dengan keadaan di luar, jangkitan Covid-19 mungkin berlaku tanpa disedari," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, walaupun kerajaan memberi jaminan kes kluster penjara dan PATI tidak akan menjejaskan rakyat, namun pihak berkuasa perlu memastikan



DR ZAINAL




DR MALINA

koordinasi kerjasama antara kementerian dan agensi lebih tepat dan strategik.

"Kenaikan semula kes Covid-19 yang berlaku ketika ini jelas disebabkan pertimbangan kerajaan yang bersifat *underestimated* dan *overconfidence* terhadap taburan jangkitan, tingkah laku ahli politik pada PRN Sabah, kegagalan pematuhan amalan prosedur operasi standard dan penguatkuasaan perundangan bersifat dwistandard.

"Justeru, langkah terbaik adalah meningkatkan prestasi komunikasi risiko selain melakukan koordinasi lebih baik antara kerajaan dan pihak berkuasa.

"Kerajaan mesti memberi tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak berkuasa penjara dengan pelbagai kaedah berkesan bagi mengawal serta menyekat penularan Covid-19 terhadap komuniti luar," katanya.



KLUSTER BENTENG LAHAD DATU - 31 OGOS 2020

- Bermula apabila dua PATI ditahan di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu, Sabah 24 Ogos lalu.
- Dua PATI itu didapati positif Covid-19 pada 31 Ogos. Mereka dimasukkan ke Hospital Lahad Datu.
- Sehingga kini, kluster ini telah merekodkan kes positif Covid-19 sebanyak 954 kes.

KLUSTER LAUT (KUNAK, SABAH) - 12 SEPTEMBER 2020

- Kluster Laut dikenal pasti dalam kalangan PATI di Kunak, Sabah.
- Seorang PATI menyusup dari Zamboanga, Filipina ke Sabah untuk melawat isterinya. Isterinya disahkan positif Covid-19 sewaktu bersalin di hospital.
- Sehingga semalam, jumlah kluster berkenaan adalah sebanyak 109 kes.

KLUSTER TEMBOK (PENJARA ALOR SETAR) - 29 September 2020

- Kluster ini dikesan di Penjara Alor Setar pada 29 September lalu.
- Jangkitan kluster ini berlaku dan merebak di pusat penjara di Kota Setar.
- Sehingga kini, jumlah terkumpul bagi kes kluster ini adalah sebanyak 1,200 kes.

KLUSTER BENTENG PELABUHAN KLANG, SELANGOR - 28 September 2020

- Kluster ini dikenal pasti hasil saringan pendatang asing tanpa izin (PATI) di Klang, Selangor.
- Saringan tersebut telah dijalankan dari 16 hingga 25 September 2020 dengan lapan orang PATI dikesan positif Covid-19.
- Sehingga kini, seramai 15 dikenal pasti positif Covid-19.

KLUSTER BATU TAIPING, PERAK - 5 OKTOBER 2020

- Kluster baharu ini dikenal pasti di Taiping, Perak dengan hasil saringan dalam kalangan kakitangan dan ahli keluarga sebuah kem tahanan mendapati 7 kes dikesan positif Covid-19 pada 5 Oktober lalu.
- Tiada kes susulan dicatatkan sehingga kini.

KLUSTER PENJARA REMAN (TIMUR LAUT, PULAU PINANG) - 7 OKTOBER 2020

- Kluster ini dikenal pasti di daerah Timur Laut, Pulau Pinang.
- Sehingga kini, seramai 286 individu telah disaring yang mana 78 orang disahkan negatif Covid-19 dan 201 individu lagi masih menunggu keputusan.